



*Majlis penyampaian Diploma Program Eksekutif UTMSPACE, telah berlangsung pada 25 April 2016 di Dewan Sultan Iskandar UTM Johor Bahru. Majlis telah di mulakan dengan ucapan daripada Naib Cancellor UTM Yang Berbahagia Profesor Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar dan diikuti dengan ucapan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali, Pengerusi Lembaga Pengarah UTM.*

### **MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA PROGRAM EKSEKUTIF UTMSPACE 2016**

Dalam teks ucapan Naib Cancellor UTM, beliau menekankan ilmu dan kemahiran di dalam diri seseorang perlu sentiasa dipertingkatkan. Program pembelajaran sepanjang hayat merupakan satu inisiatif terbaik, bukan sahaja mampu mengubah sosio-ekonomi sesebuah keluarga bahkan berperanan dalam menggerakkan pembangunan negara menerusi penghasilan modal insan yang berkemahiran tinggi.

Tambah beliau lagi, UTM telah berjaya menghasilkan graduan yang bukan sahaja beridentitikan holistik dan entrepreneurial, malah mempunyai daya tahan tinggi yang selari dengan lonjakan yang memfokuskan kepada usaha penjana modal insan kelas pertama. Beliau mengucapkan tahniah kepada graduan yang telah berjaya.

## MAJLIS PENYAMPAIAN DIPLOMA PROGRAM EKSEKUTIF UTMSPACE 2016

Memetik daripada ucapan Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali Pengerusi Lembaga Pengarah UTMSPACE pula, beliau memberi nasihat bahawa para graduan usah terlalu memilih peluang pekerjaan yang ditawarkan, sebaliknya serlahkan potensi diri dengan pelbagai pengalaman yang mampu meningkatkan kemahiran kerjaya di masa akan datang. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada graduan yang berjaya.

Pada Majlis Penyampaian Diploma Eksekutif kali ini, seramai 724 orang graduan telah diraikan iaitu, 96 orang graduan Program Diploma Eksekutif dan 629 graduan daripada Program Diploma Profesional pula. Mereka adalah graduan daripada 24 buah pusat pengurusan program UTMSPACE. UTMSPACE telah menawarkan sebanyak 61 Program Diploma Eksekutif dan Diploma Profesional pada masa ini. Pengerusi Lembaga Pengarah, Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Halim bin Ali telah menyampaikan diploma kepada graduan yang telah berjaya.



## BENGGEL PENGURUSAN BOS, SETIAUSAHA & DIARI

*25 – 26 April 2016  
Swiss Garden Hotel & Residences,  
Kuala Lumpur*

Kursus ini dihadiri oleh para Setiausaha yang telah dijalankan pada 25 – 26 April 2016 bertempat di Swiss Garden Hotel & Residences, Kuala Lumpur. Seramai 8 orang peserta telah mengikuti bengkel ini. Bengkel ini menyentuh kepada Imej Setiausaha dan Organisasi, Komunikasi Berpengaruh dengan menggunakan kaedah NLP dan Etiket Bisnes dalam Membina Hubungan Profesional. Kursus ini dikendalikan oleh 2 penceramah iaitu Puan Raihan binti Abdul Rahman yang merupakan Perunding dan Jurulatih Imej Bertauliah dan Puan Rosmaria binti Mohd Sahat.



## **SEMINAR PENGURUSAN DAN TUNTUTAN BAYARAN**

**25 – 26 April 2016**  
**Swiss Garden Hotel & Residences,**  
**Kuala Lumpur**

Seminar Pengurusan dan Tuntutan Bayaran (CIPAA) dijadualkan pada 11 & 12 Mei 2016 telah berjalan dengan lancar di Suria City Hotel Johor Bahru dihadiri oleh kontraktor, Juruukur Bahan, serta individu dari agensi kerajaan dan swasta. Matlamat seminar ini adalah untuk memperjelaskan mengenai CIPAA 2012 yang diwujudkan bertujuan untuk memperkasakan industri binaan negara ke tahap global. Peserta diberi pendedahan berkenaan dengan CIPAA 2012; prosedur membuat tuntutan di bawah CIPAA. Fasilitator bagi program ini adalah Tuan Haji Ismail bin Omar berkeelayakan profesional – P.M. P (USA) dan KLRCA (Adjudicator).



## **BENGGEL SETIAUSAHA SUPER!**

**30 – 31 Mei 2016**  
**Swiss Garden Hotel & Residences,**  
**Kuala Lumpur**

Seramai 15 orang peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah dikendalikan oleh Puan Maryanni Masarip yang merupakan seorang Perunding Imej yang bertauliah dan diiktiraf.





## LAWATAN KERJA KE SUMATERA BARAT, INDONESIA



Pada 26 – 29 Mei 2016, UTMSPACE telah membuat lawatan kerja ke Sumatera Barat, Indonesia. Rombongan lawatan diketuai oleh Prof. Ir. Dr. Azraai bin Kassim, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE; Prof. Madya Sr Dr. Zakaria bin Mohd Yusof, Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional UTMSPACE dan En. Zahabidin bin Jupri, Pengurus Besar, Bahagian Teknologi Maklumat UTMSPACE. Tujuan lawatan kerja ini adalah untuk membincangkan program-program yang boleh ditawarkan seperti strategi pelaksanaan program pembinaan (untuk mendapatkan akreditasi dari badan profesional), modul pengajaran untuk Fakulti Pendidikan dan Program Quality Assurance serta penganjuran kursus pendek di Indonesia. Antara tempat-tempat yang dilawati adalah Universitas Bung Hatta, dan membuat kunjungan ke Kantor Gabenor Sumatera Barat, Indonesia.

**UTMSPACE** ESTD. 1988

## PERMOHONAN KEMASUKAN **PROGRAM SARJANA MUDA** PENGAJIAN SEPARUH MASA

Pengambilan September 2016

**PENDAFTARAN  
TERBUKA**

**24 JULAI 2016  
(AHAD)**

Bangunan UTMSPACE  
Jalan Tun Razak, KL  
9.00 pg - 4.00 ptg

daftar secara online

**[www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)**

Tarikh Tutup : **25 JULAI 2016**



Pembiayaan PTPTN & KWSP



## HARI PENDAFTARAN TERBUKA PROGRAM DIPLOMA UTM SEPENUH MASA

UTMSPACE telah menganjurkan Hari Pendaftaran Terbuka pada 3 April 2016 di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, UTM Kuala Lumpur. Objektif program ini dijalankan adalah :

- I. Memberi peluang terus kepada pemohon untuk mendaftar dan mendapat surat tawaran
- II. Mendapatkan khidmat nasihat mengikut kursus
- III. Mengenalpasti keberkesanan saluran promosi UTMSPACE
- IV. Mempromosikan program UTMSPACE

Pelbagai kaunter disediakan bagi memudahkan pelajar mendapat maklumat. Antaranya, Kaunter khidmat nasihat, kaunter permohonan online dan kaunter surat tawaran. Kebanyakan mahasiswa ingin mendapatkan khidmat nasihat daripada penasihat akademik program luar setiap fakulti untuk mengetahui penerangan lebih lanjut berkaitan kursus yang dipohon .

Hari pendaftaran terbuka ini bermula dari jam 9 pagi hingga 4 petang. Selain itu, seksyen perhubungan pelanggan telah memberikan cenderahati kepada pelanggan yang hadir. Program ini perlu diadakan lagi pada masa akan datang bagi memudahkan pemohon mendapatkan penerangan lebih terperinci berkaitan kursus yang dipohon. Terima kasih kepada semua pelanggan yang hadir dan penglibatan staf UTMSPACE dalam menjayakan program ini.





## PROGRAM JOM SIHAT & BERAMAL BERSAMA FACEBOOK FANS UTMSPACE 2016.

Pada tanggal 21 dan 22 Mei yang lalu, UTMSPACE telah menganjurkan Program Jom Sihat dan Beramal bersama Facebook Fans UTMSPACE 2016 di Tanjung Leman Beach Resort, Mersing Johor. Acara amal bersama Facebook Fans merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh UTMSPACE. Seramai 30 peserta telah menyertai program ini dan telah melakukan aktiviti-aktiviti komuniti dan kecergasan, seperti membersihkan kawasan sekitar pantai Tanjung Leman, mendaki bukit, sukan pantai, aerobik dan program pengisian kerohanian. Secara keseluruhannya yang menyertai program ini berasa berpuas hati di atas penganjurannya dan UTMSPACE mengucapkan jutaan terima kasih di atas penglibatan daripada FB Fans UTMSPACE yang menyokong program yang dijalankan.



## STAF BARU MELAPOR DIRI

BIL	NAMA	JAWATAN	PUSAT/ BAHAGIAN	LOKASI	TARIKH PELANTIKAN
1	NUR AYUNI BINTI OTHMAN	KERANI	BPHRM	PP	2016-04-01
2	NURMAHIRAH BINTI ITHNIN	KERANI	PPSM	JB	2016-04-03
3	MUHAMMAD IZZUDDIN BIN IBRAHIM	KERANI	PPSM	JB	2016-04-03
4	ULFATUNNISAK BINTI ALWI	KERANI (KEWANGAN)	BKW	KL	2016-04-15
5	MOHD FAUZAN BIN JALIL	PEMANDU	BPHRM	JB	2016-04-17
6	ZUBAIR BIN ABU HASAN	EKSEKUTIF	BTMK	JB	2016-05-02
7	AZMI BIN AWANG TERISNO	PEMANDU	PKPO USKL	KL	2016-05-03
8	MOHD ROSYDI BIN ABDULLAH	EKSEKUTIF (AKADEMIK)	PPD	KL	2016-05-16
9	HUSNA BINTI MOHAMAD AFIFI	EKSEKUTIF (AKADEMIK)	PPD	KL	2016-05-16
10	MUHAMMAD IZZUDDIN BIN KAMARUDDIN	KERANI (KEWANGAN)	BKW	KL	2016-06-01
11	KHAIRUL IZDIHAR BIN ABD BASIR	EKSEKUTIF (AKADEMIK)	PPD	KL	2016-06-15

## STAF BERKHAWIN

BIL	NAMA	PUSAT/ BAHAGIAN	LOKASI	TARIKH PERKAHWINAN
1.	NOORAZIZI BIN ABU BAKAR	PPSM	JB	30 APRIL 2016
2.	AZMI BIN AWANG TERISNO	PKPO USKL	KL	28 MEI 2016

## PROGRAM DIPLOMA PROFESIONAL PENGURUSAN



Ambilan  
**JUN & OKTOBER**

- Sumber Manusia
- Pengeluaran & Operasi

DIBIAYAI MELALUI  
**KWSP**



Maklumat Program & Borang Permohonan  
[www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)

07- 5215325/3196/8173/2019  
(Fairos/Fazilah/Fika)

**UTMSPACE**

MEMBENTUK MINDA • MEMBINA KERJAYA

## STAF MENERIMA CAHAYA MATA

BIL	NAMA	PUSAT/ BAHAGIAN	LOKASI	JANTINA
1.	NOR SUHADA BINTI AZID	PPD	KL	LELAKI 25 APRIL 2016
2.	IRA IRIANI BINTI MAWARDI	BPHRM	KL	PEREMPUAN 5 MEI 2016
3.	HASLINA BINTI DAYAN	PPK	KL	PEREMPUAN 6 MEI 2016
4.	MOHAMMAD DZUL AZRIE BIN MOHD RUSLAN	PKPO USKL	KL	LELAKI 10 MEI 2016
5.	NURAFIDAH BINTI MOHD NOOR	PPP	JB	LELAKI 29 MEI 2016
6.	FARHAN KHAIR BIN FAWAZUL KHAIR	BPB	JB	LELAKI 3 JUN 2016
7.	HAZMARIDAH BINTI MOHD NOOR	PPSM	JB	LELAKI 6 JUN 2016
8.	SHHRULNIZAM BIN MOHAMAD ALI	PPSM	JB	PEREMPUAN 12 JUN 2016

